

# RISALAH 08



01 | TIPS TEMU DUGA

02 | SOALAN-SOALAN  
LAZIM TEMU DUGA

## HUBUNGI KAMI

+673 737 1961

PSC.BN

query@spa.gov.bn

سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM



TIPS TEMU DUGA  
& SOALAN-  
SOALAN LAZIM

# RISALAH 08

www.recruitment.gov.bn

## PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA

1. Membuat penyelidikan mengenai dengan tugas dan tanggungjawab jawatan berkenaan.
1. “Informational Interview” – calon boleh bertanya ke Kementerian atau Jabatan mengenai fungsi atau peranan tugas Kementerian atau Jabatan berkenaan.
1. Sentiasa memeriksa **e-mel** bagi mengetahui tarikh panggilan temuduga dan juga Media Sosial Rasmi Pejabat SPA melalui Instagram, Facebook atau Telegram

## PERSEDIAAN DOKUMEN-DOKUMEN ASAL & SALINAN

Sila bawa dokumen-dokumen ASAL dan SALINAN semasa hari temu duga:

- ✓ Kad Pintar
- ✓ Lesen Memandu
- ✓ Sijil-Sijil Kelulusan Akademik
- ✓ Sijil-Sijil Kemahiran / Kursus
- ✓ Curriculum Vitae (CV) - Sila muat turun CV melalui PSCR 2.0
- ✓ Buku Merah – Bagi yang pernah berkhidmat dengan ABDB
- ✓ Buku Biru- Bagi yang pernah berkhidmat dengan Pasukan Polis Diraja Brunei

## PADA HARI TEMU DUGA

- **Hadir 30 MINIT** sebelum temu duga.
- Melapor di kaunter temu duga seperti yang dinyatakan di dalam e-mel panggilan temu duga dan dapatkan nombor giliran bagi jawatan yang telah dipohon.
- Tunggu di ruang yang telah disediakan.
- Jika sekiranya lewat sila hubungi Talian Perhubungan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada waktu pejabat sahaja di talian **+673 7371961**

## SEMASA TEMU DUGA

- Beri salam kepada panel temu duga.
- Gunakan panggilan yang betul kepada ahli panel sebagai contoh **Tuan/ Puan**
- Duduk selepas diarahkan
- Duduk dengan bersopan iaitu
  - badan ditegakkan
  - tangan diletakkan ke bawah atau ke atas paha dan kaki diluruskan ke bawah
- Dengar dengan teliti setiap soalan yang diajukan
- Jawab soalan dengan yakin dan jelas
- Jangan menjawab secara meleret-leret atau secara berjela-jela
- Ucapkan terima kasih kepada ahli panel apabila selesai.

## ELAKKAN MELAKUKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT

- Menyilang kaki semasa duduk.
- Menyandar di kerusi dengan tangan menongkat dagu.
- Duduk dengan tubuh yang tidak lurus.

## SUMBER RUJUKAN



[www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn)

- Sumber Rujukan
- Arkib (Skim Perkhidmatan)
- Status Permohonan
- Jadual Ujian
- Jadual Temu Duga
- PSCR 2.0

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### 1. Bagaimanakah mendapatkan sumber rujukan bagi persediaan temu duga?

Sumber rujukan boleh didapati di portal SPA [www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn) atau melalui pautan <http://bit.ly/SumberRujukanPSC>

### 2. Bagaimanakah jika saya ingin menukar tarikh temu duga?

Awda bolehlah menghadapkan permohonan melalui ruangan “**Aduan Saya**” di PSCR 2.0.